

1044

TEORI AL-NAFS DALAM MEMBENTUK JATI DIRI REMAJA MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN

Nurzatil Ismah binti Azizan

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

nurzatil@kuis.edu.my

Zulkifli Mohd Yusoff

Universiti Malaya

ABSTRAK

Jati Diri membawa makna sifat atau keistimewaan dari segi adat, bahasa, budaya dan agama. Ia adalah lambang keperibadian seseorang individu atau sesuatu bangsa. (Kamus Dewan, 2010). Kajian berkenaan Jati Diri penting dilaksanakan kerana remaja kini banyak terlibat dengan masalah sosial kesan daripada tidak mampu membentuk Jati Diri. Statistik masalah sosial semakin meningkat saban tahun dan perlu kepada penyelesaian yang efektif. Pengkaji dalam kajian ini menekankan aspek spiritual yang menyumbang pengaruh terbesar kepada pembentukan Jati Diri seseorang. Imam al-Ghazali antara ulama yang membahaskan berkenaan peribadi manusia dengan membahaskan unsur al-Nafs dalam diri manusia. Kata al-Nafs membawa makna kekuatan atau daya kemarahan yang terdapat dalam diri manusia. Makna ini kebiasaannya digunakan oleh ahli tasawuf. Makna al-Nafs seterusnya ialah rahsia lathifah yang lembut yang terdapat dalam diri manusia. Ia mempunyai beberapa ciri mengikut keadaan. Antara keadaan yang disebut di dalam al-Quran ialah jiwa yang tenang, jiwa yang menyesali dirinya sendiri dan jiwa yang menyuruh kepada kejahanan. Pengkaji dalam kajian ini membahaskan berkenaan makna al-Nafs yang menjadi rahsia dalam diri manusia berdasarkan kisah ikon remaja di dalam al-Quran. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif dengan menggunakan dokumen sebagai instrumen kajian. Ia seterusnya dianalisis dengan pendekatan induktif bagi mendapatkan jawapan terhadap proses pembentukan Jati Diri remaja di dalam al-Quran khusus dalam aspek al-Nafs (jiwa). Hasil kajian mendapati kisah di dalam al-Quran adalah sumber terbaik dalam pembelajaran proses membentuk Jati Diri remaja. Antara aspek al-Nafs (jiwa) yang disebut di dalam al-Quran ialah keupayaan Nabi Yusuf a.s membentuk jiwanya berbaik sangka dengan ujian Allah s.w.t dalam kehidupan baginda a.s serta keutuhan iman Baginda a.s apabila berhadapan dengan godaan isteri al-Aziz. Al-Quran membuktikan bahawa ia sebagai sebaik-baik sumber dalam kehidupan manusia dalam membentuk jiwa manusia dalam mematuhi syariat Islam.

Kata Kunci: Teori al-Nafs, Jati Diri, al-Quran

1. PENDAHULUAN

Remaja memerlukan panduan dalam membentuk Jati Diri kerana usia remaja adalah usia yang penting dalam membentuk proses tersebut. Kisah para nabi dalam al-Quran perlu dijadikan panduan dalam membentuk Jati Diri tersebut agar ianya selari dengan panduan al-Quran. Kisah dalam al-Quran mempunyai banyak ibrah yang boleh diambil manfaat dan diterapkan dalam kehidupan seharian. Antara aspek penting dalam proses membentuk Jati Diri tersebut ialah aspek al-Nafs. Kajian ini membahaskan berkenaan unsur al-Nafs dalam membentuk Jati Diri remaja.

2. DEFINISI AL-NAFS

Al-Quran dalam membincangkan berkenaan *al-Nafs* membawa beberapa makna antaranya ialah jiwa manusia seperti yang disebut dalam ayat 93 Surah al-An'am.(Basri Ibrahim, t.t). Ayat tersebut menggambarkan azab Allah s.w.t terhadap orang-orang yang zalim ketika malaikat sedang mengambil nyawa mereka. *Al-Nafs* dalam Surah Luqman ayat 28 disebut sebagai diri manusia yang terdiri daripada roh dan jasad, Allah menyebut bahawa tidak ada kesukaran menciptakan semula manusia selepas kematian mereka. Al-Quran juga menyebut *al-Nafs*

sebagai hati ketika menyuruh manusia mengingati Allah s.w.t dan menyebut Allah dalam hati dalam ayat 205 Surah al-‘Araf dengan rasa rendah diri dan takut melanggar perintah Allah s.w.t. Kekuatan akal fikiran juga disebut dengan *al-Nafs* dengan firman Allah s.w.t di dalam al-Quran Surah al-Naml ayat 14 yang menjelaskan mereka mengingkari secara zalim dan sombong angkuh sedang hati mereka meyakini kebenaran. *Al-Nafs* juga digunakan untuk makna kebaikan dan keburukan yang terdapat dalam diri manusia seperti yang disebut dalam Surah al-Nazi’at ayat 40 yakni orang-orang yang takut akan keadaan semasa ia berdiri di mahkamah Tuhan (untuk dihitung amalannya) serta ia menahan dirinya daripada menurut hawa nafsu.(Basri Ibrahim, t.t)

Kata *al-Nafs* membawa makna kekuatan atau daya kemarahan yang terdapat dalam diri manusia. Makna ini kebiasaananya digunakan oleh ahli tasawuf. Makna *al-Nafs* seterusnya ialah rahsia *lathifah* yang lembut yang terdapat dalam diri manusia. Ia mempunyai beberapa ciri mengikut keadaan. Antara keadaan yang disebut di dalam al-Quran ialah jiwa yang tenang, jiwa yang menyesali dirinya sendiri dan jiwa yang menyuruh kepada kejahatan. (Basri Ibrahim, t.t) Pengkaji dalam kajian ini membahaskan berkenaan makna *al-Nafs* yang menjadi rahsia dalam diri manusia. Ciri-ciri jiwa tersebut mempengaruhi perkembangan jati diri manusia dan memberi kesan dalam kehidupan sehari-hari.

Syeikh ‘Abd Rahman Habannakah al-Maidani menyimpulkan makna *al-Nafs* yang digunakan di dalam al-Quran ialah sesuatu yang bersifat dalaman dalam tubuh badan manusia dan tidak dapat ditanggapi hakikat yang sebenar namun boleh dibimbing untuk melakukan kebaikan atau kejahatan. Ia mengandungi sifat dan kriteria kemanusiaan yang mempunyai kesan ke atas tingkah laku dan tindak tanduk manusia.(Basri Ibrahim, t.t).

Unsur Nafsiyyah ini membawa maksud unsur nafsu yang merupakan himpunan bagi perasaan manusia. Antara unsur nafsu yang dinyatakan oleh al-Ghazali (1976) ialah unsur pergaulan sosial. Pergaulan sosial termasuk aspek yang perlu diberi penekanan dalam pembentukan Jati Diri. Manusia memerlukan kehidupan berkelompok dalam mengasah hal-hal berkaitan dengan diri seperti unsur kasih sayang, kerjasama dan tolerasi dalam kehidupan bermasyarakat.

Perbahasan berkenaan nafsu menurut Imam al-Ghazali (1976) juga membawa dua makna iaitu desakan marah dan syahwat dalam diri manusia dan makna kedua ialah bermakna halus (*al-latifah*) iaitu hakikat manusia, diri manusia itu sendiri dan zatnya yang boleh disifatkan secara berbeza-beza mengikut situasi. Jika nafsu dalam keadaan tenteram dan jauh daripada pengaruh nafsu syahwat, ia dinamai dengan jiwa yang tenang (*al-Nafs al-Mutma’innah*) Ini bermakna termasuk dalam perbahasan berkenaan nafsu juga termasuk diri individu sendiri yakni apa sahaja yang dizahirkan oleh seseorang dalam menghadapi satu-satu situasi

3. TEORI AL-NAFS DALAM MEMBENTUK JATI DIRI REMAJA DALAM AL-QURAN

3.1 Pembentukan Jati Diri Dengan Berbaik Sangka dengan Allah SWT

Sejarah nabi-nabi terdahulu membuktikan bahawa proses pembentukan Jati Diri dan keperibadian adalah melalui ujian yang dilalui dalam kehidupan. Ujian kehidupan nabi-nabi terdahulu menjadi satu wadah dalam membentuk keperibadian mereka. Dengan itu, insan-insan

terpilih yang diangkat darjatnya juga akan diberi ujian yang berat. Manusia yang diuji melalui fasa pentarbiyahan yang hebat yakni berbaik sangka dengan Allah s.w.t atas ujian yang dihadapi. Firman Allah s.w.t:

﴿لَقَدْ كَانَ فِي يُوسُفَ وَإِخْوَتِهِ ءَايَتٌ لِّلْسَائِلِينَ، إِذْ قَالُوا لَيُوسُفَ وَأَخْوَهُ أَحَبُّ إِلَيْنَا مِنْنَا وَنَحْنُ عُصْبَةٌ إِنَّ أَبَانَا لَفِي صَلَالٍ مُّبِينٍ﴾

Yusuf 12:7-8

Terjemahan: Demi sesungguhnya! (Kisah) Nabi Yusuf dengan saudara-saudaranya itu mengandungi beberapa pengajaran bagi orang-orang yang bertanya (tentang hal mereka untuk mengambil iktibar). (Kisah itu bermula) ketika saudara-saudara Yusuf berkata (sesama sendiri): "Sesungguhnya Yusuf dan adiknya, lebih disayangi oleh bapa kita daripada kita, padahal kita ini satu kumpulan (yang ramai dan berguna). Sesungguhnya bapa kita adalah dalam keadaan tidak adil yang nyata."

Ayat ini diturunkan di saat genting dan kecemasan iaitu ketika Rasulullah menghadapi saat kesedihan kerana kehilangan Abu Talib dan Siti Khadijah, tahun tersebut dikenali dengan tahun duka. Allah s.w.t menurunkan ayat ini bagi memujuk Rasulullah yang kesedihan dengan membawa kisah nabi yang terbaik bagi memberi panduan bahawa nabi terdahulu juga menghadapi ujian yang pelbagai. Nabi Yusuf a.s menghadapi ujian yang berat iaitu ditipu oleh adik beradik, dibuang dalam perigi dalam keadaan ketakutan, menjadi hamba abdi dari seorang ke orang lain, tidak mendapat perlindungan daripada ibubapa, fitnah isteri al-Aziz iaitu godaan nafsu dan fitnah kecantikan, ujian hidup dalam penjara selepas hidup mewah di istana, ujian memperolehi kuasa dan ujian bertemu semula dengan saudaranya yang menjadi punca penderitaan kehidupan baginda a.s. (Syed Qutb, 1997).

Nabi Yusuf a.s merupakan seorang nabi yang hebat, beliau walaupun berhadapan dengan tekanan masih mampu menghadapi dengan jiwa yang tenang. Baginda a.s menghadapi ujian dengan keyakinan dan doa kepada Allah s.w.t. Menurut Hall zaman remaja adalah zaman "storm and stress" yakni berhadapan dengan tekanan (Jas Laile, 2008). Jika diteliti faktor yang menyebabkan berlakunya gejala sosial antaranya ialah tekanan kemiskinan, masalah keluarga dan pengaruh-pengaruh sosial yang mendorong perlakukan negatif.

3.2 Pembentukan Jati Diri Dengan Mengawal Nafsu

Manusia diberi nafsu, akal, dan qalbu dan semuanya perlu seimbang dalam menjalani kehidupan. Malah seseorang yang berjaya menjadikan semua unsur tersebut berinteraksi akan berjaya membentuk Jati Diri dengan cemerlang berpandukan syariat Islam. Perihal nafsu bukan perkara baharu dibahaskan malah sejak zaman berzaman ianya dibincangkan. Nabi Sulaiman a.s menyatakan bahawa mengekang nafsu adalah lebih sulit daripada membuka kota secara sendirian (Al-Ghazali, 2015). Ia jelas bahawa amat sukar mengawal nafsu manusia melainkan dengan panduan dan kekuatan dalaman yang kuat. Al-Quran memaparkan keteguhan iman Nabi Yusuf a.s dalam menghalang nafsunya daripada melakukan dosa walaupun baginda a.s mempunyai ruang dan kesempatan untuk melakukannya.

Firman Allah s.w.t:

وَمَا أَبْرَى نَفْسِي إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَارَةٌ بِالسُّوءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّي إِنَّ رَبِّي غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Yusuf 12:53

Terjemahan: "Dan tiadalah Aku berani membersihkan diriku, sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhan (maka terselamatlah ia dari hasutan nafsu itu). Sesungguhnya Tuhan Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

Terdapat dua pandangan berkenaan ayat ini, ada yang menyatakan berkenaan Nabi Yusuf dan ada yang menyatakan ia adalah berkenaan isteri al-Aziz. Nabi Yusuf a.s menyatakan bahawa baginda tidak berani menyatakan bahawa beliau bersih daripada dosa. Jiwa-jawa manusia menyuruh mengikut hawa nafsu, dan ianya tidak direndah oleh Allah s.w.t. Hanya Allah s.w.t sahaja yang akan memberi rahmatnya kepada hamba (al-Tabari, 1994).

Apabila terdapat bantuan daripada Allah, maka Allah akan datangkan rasa malu melakukan maksiat (Abi Hatim, 2006). Pandangan lain menyatakan bahawa ayat ini menjelaskan berkenaan isteri Al-Aziz yang mana ia menyatakan bahawa ia tidak berani mengakui dirinya bersih dan nafsu banyak menyuruh manusia melakukan maksiat melainkan bagi orang yang dipelihara oleh Allah s.w.t. (Abd Allah Khayyat, t.t). Nafsu manusia akan membawa manusia dalam keaiban dan kebinasaan tanpa disedari, hanya Allah sahaja yang memelihara manusia dengan rahmatNya manusia dapat mengawal nafsu jahatnya (al-Ghazali, 2016).

Ayat tersebut menjelaskan kehebatan Nabi Yusuf a.s dalam melawan kehendak syahwatnya terhadap Zulaikha yang cantik. Walaupun digoda dengan kecantikan namun atas keutuhan keimanan terhadap Allah s.w.t dan takut akan melakukan maksiat maka Nabi Yusuf a.s tidak mengikut keinginannya. Sedar akan keberadaan Allah s.w.t dalam kehidupan sehari-hari menjadikan manusia takut dalam melakukan maksiat. Konsep ini perlu diterapkan dalam diri seseorang remaja agar tidak berani melakukan maksiat kepada Allah s.w.t.

Imam al-Ghazali dalam perbahasannya berkenaan sikap manusia menyatakan bahawa manusia menghadapi perkembangan empat unsur dan menghasilkan empat sikap antaranya unsur kehawaian (bahimiya) iaitu kehendak syahwat yang ada dalam diri manusia. Daripada unsur ini melahirkan makan, tidur dan syahwat. Keinginan syahwat mendorong manusia melepaskannya secara bebas sekiranya tidak dikawal dengan pertimbangan akal ia mendorong manusia melakukan perbuatan bersifat kebinatangan (Norlizah Che Hassan, 2014). Beliau turut menyatakan bahawa takut kepada Allah s.w.t dengan meninggalkan apa yang diharamkan adalah dasar paling utama dalam pembentukan jiwa yang mulia. Ada yang meninggalkan maksiat kerana malu kepada Allah, berharap dengan Allah, merasa maksiat adalah perbuatan yang buruk dan kerana dalam dirinya penuh dengan rasa cinta kepada Allah s.w.t. (al-Ghazali, t.t).

Imam al-Ghazali turut membahaskan berkenaan empat keadaan hati sebelum ia melakukan sesuatu oleh anggota badan yakni lintasan atau bisikan jiwa, kecenderungan, iktikad dan keinginan (Al-Ghazali, 2000). Semua aspek ini mempengaruhi manusia dalam setiap tindakan. Bisikan jiwa manusia jika ia menyuruh melakukan kejahatan maka ia masih boleh diatasi jika tidak ada kecenderungan untuk lakukannya. Namun jika masih cenderung untuk lakukan tanpa

iktikad untuk teruskan ia masih boleh diatasi dengan keinginan. Walaupun hati iktikad melakukan keburukan tanpa keinginan yang mendalam, sifat buruk boleh diatasi. Keempat-empat keadaan hati ini mempengaruhi setiap tindakan manusia.

Mengawal nafsu merupakan tarbiyyah daripada Allah s.w.t. Tarbiyyah merupakan proses pembentukan individu untuk berperibadi sebagai seorang muslim yang sebenar. Individu yang terlibat dengan pentarbiyahan ini adalah seorang yang rela dan sanggup melalui fasa tarbiyyah secara berperingkat. Proses tersebut berkembang secara horizontal dan vertikal sehingga proses tersebut sempurna luaran dan dalaman. Proses tarbiyyah juga perlu berpaksikan al-Quran dan al-sunnah (Musyirah Zulkarnain, 2014).

Pentarbiyahan berpaksikan beberapa proses yakni *Tarbiyyah Fardiyyah* iaitu tarbiyyah perseorangan di antara seorang murabbi kepada seorang mutarabbi. *Tarbiyyah Jama'iyyah* yakni tarbiyyah secara kolektif dan berkumpulan seperti usrah, daurah, mukhayyam. Dan yang terakhir adalah *Tarbiyyah Dhatiyyah* yakni tarbiyyah seseorang terhadap dirinya sendiri dalam pelbagai cara dan bentuk (Musyirah Zulkarnain, 2014). Semua bentuk tarbiyyah ini dilalui dalam proses membentuk jati diri remaja. Ada masa dan ketika remaja membentuk jati diri secara berkumpulan, perseorangan, dan menggunakan pelbagai cara untuk mentarbiah diri sendiri. Pelbagai pendekatan dalam membentuk jati diri remaja menjadikan remaja tidak bosan melalui proses yang sama disamping melalui pengalaman berbeza walaupun tujuan dan matlamat yang sama yakni membentuk jati diri Islami.

3.3 Pembentukan Jati Diri dengan Nilai kelembutan akhlak dan hati

Akhlaq dalam diri manusia sebati dan manusia dikenali dengan akhlaknya. Oleh itu amat penting bagi manusia memelihara akhlak agar berakhlaq dengan akhlak yang mulia agar bertepatan dengan nilai Islam.

Firman Allah s.w.t:

مَا قُلْتُ لَهُمْ إِلَّا مَا أَمَرْتَنِي بِهِ إِنْ أَعْبُدُو أَلَّهَ رَبِّي وَرَبَّكُمْ وَكُنْتُ عَلَيْهِمْ شَهِيدًا مَا دُمْتُ فِيهِمْ فَلَمَّا
تَوَفَّيْتَنِي كُنْتَ أَنْتَ أَرْقَبِي عَلَيْهِمْ وَأَنْتَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ۝ إِنْ تُعَذِّبْهُمْ فَإِنَّهُمْ عِبَادُكَ وَإِنْ تَغْفِرْ
لَهُمْ فَإِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ۝
Al-Maidah 5:117-118

Terjemahan: Aku tidak mengatakan kepada mereka melainkan apa yang Engkau perintahkan kepadaku mengatakannya, iaitu sembahlah kamu akan Allah, Tuhanmu dan Tuhan kamu dan adalah aku menjadi pengawas terhadap mereka (dengan membenarkan yang benar dan menyalahkan yang salah) selama aku berada dalam kalangan mereka. Kemudian apabila Engkau sempurnakan tempohku, menjadilah Engkau sendiri yang mengawasi keadaan mereka dan Engkau jualah yang menjadi saksi atas tiap-tiap sesuatu. Jika Engkau menyeksanya mereka, (maka tidak ada yang menghalangnya) kerana sesungguhnya mereka adalah hamba-hambaMu dan jika Engkau mengampunkan mereka, maka sesungguhnya Engkaulah sahaja Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Nabi Isa a.s mempunyai sifat ihsan yang tinggi sesama manusia. Baginda a.s memohon ampun kepada Allah s.w.t supaya diberi keampunan kepada manusia yang berbuat dosa. Baginda juga merupakan seorang pemuda yang penuh dengan kasih sayang.

Mereka adalah hamba Allah s.w.t dan tidak ada halangan untuk Allah s.w.t melakukan sesuatu kepada mereka. Namun jika Allah mengampunkan mereka dengan memberi hidayah kepada mereka serta bertaubat. Maka Allah maha agong dalam memberi kebangkitan iman dalam diri mereka. Allah maha bijaksana dalam memberi hidayah kepada manusia untuk bertaubat. Ia juga membawa makna Allah mengeluarkan mereka daripada agama Nasrani dan memberi hidayah kepada mereka kepada Islam (al-Tabari, 1994). Imam al-Baghawi dalam menjelaskan ayat ini menyatakan bahawa mengazab orang kafir dalam kalangan mereka dan memberi keampunan bagi yang beriman dalam kalangan mereka (al-Baghawi, 2002).

Jika mereka mati dalam kekufuran, maka Allah berhak mengazab mereka kerana mereka adalah hamba Allah. Dan jika mereka bertaubat daripada kekufuran maka Allah memberi keampunan ke atas kekufuran mereka yang lalu. Keampunan ini juga adalah berkaitan kaum Nasrani yang mengangkat Nabi Isa sebagai tuhan dan mengetepikan Allah s.w.t. (al-Razi, 1981). Sifat kasih sayang yang ada dalam diri Nabi Isa a.s terhadap kaumnya yang amat menyayangi dan sabar dalam dakwah baginda kepada kaumnya. Ia merupakan Jati Diri yang hebat dengan sifat memaafkan serta tidak berdendam atas perbuatan orang lain terhadap mereka. Nabi Isa sabar dalam dakwah dan proses menyebarkan Islam dalam diri kaumnya. Dakwah dilaksanakan dengan sabar dan kasih sayang yang tinggi.

Firman Allah s.w.t:

ۗ كَانَ مِنَ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ وَتَوَاصَوْا بِالْمَرْحَمَةِ ۚ ^{١٧}

Al-Balad 90:17

Terjemahan: selain dari (tidak mengerjakan amal-amal) itu, ia (tidak pula) menjadi dari orang-orang yang beriman dan berpesan-pesan dengan sabar serta berpesan-pesan dengan kasih sayang.

Ayat ini menunjukkan tiga wasiat yang dinyatakan oleh Allah s.w.t yakni berpesan dengan kebenaran, kesabaran dan kasih sayang. Ia menunjukkan kesempurnaan pembinaan masyarakat kerana semua perkara tersebut akan memberi jalan kebenaran (al-Shanqiti, t.t) Semua sifat tersebut disertai dengan amal kebaikan yang menunjukkan keikhlasan keimanan kepada Allah s.w.t. (Abd Allah Khayyat, t.t)

4. KESIMPULAN

Remaja masa kini perlu menjadikan kisah-kisah nabi terdahulu sebagai panduan dalam membina Jati Diri. Ia sebagai panduan agar dapat mencontohi dan mengelakkan daripada berlaku masalah sosial. Proses membentuk Jati Diri dalam aspek al-Nafs perlu kepada latihan berterusan agar ia sebat dalam diri. Analisis terhadap ayat-ayat al-Quran mendapati para nabi membentuk Jati Diri secara terus daripada Allah s.w.t melalui pelbagai aspek dalam kehidupan seharian. Mengawal Nafsu dilihat aspek penting yang perlu dilakukan dalam proses tersebut, berbaik sangka dengan Allah juga aspek utama agar dapat menerima ujian kehidupan, juga membentuk akhlak dengan akhlak mulia supaya tidak terlibat dengan perkara yang dilarang agama.

5. RUJUKAN

- ‘Abd al-Rahman b. Abi hatim, *Tafsir Ibnu Abi Hatim* (2006) Lubnan: Dar Kutub al-‘ilmiyyah.
- Abd Allah Khayyat (t.t) *Tafsir al-muyassar*. Jeddah: Maktabah al-Najjah.
- Abu Hamid Al-Ghazzali (2016). *Minhaj al-‘Abidin*, terj. Engku Ali Engku Endut. Selangor: Mashi Publication Sdn Bhd.
- Al-Ghazali (2000). *Rahsia Hati Yang Menakjubkan* terj Nur Ashiqa Ridlwan (Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise).
- Al-Ghazali (2015). *Mukashafah Al-Qulub*, terj. Muhammad Qadirunnur (Selangor: Thinker’s Library).
- Al-Ghazali, Imam Abu Hamid Muhammed Bin Muhammad.(1976). *Kimya ‘us Saadah* (Kimia Kebahagiaan). Terj. Abdul Majid Bin Hj. Khatib. (Kota Bharu : Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali. (2000) *Mukhtasar Ihya Ulum al-Din* terj Osman Jantan (Singapore: Pustaka Nasional Pte Ltd Singapura).
- Al-Tabari (1994). *Jami’ al-Bayan An Ta’wil Ai al-Quran* (Beirut: Muassasah al-Risalah).
- Basri Ibrahim et al., *Pembersihan Jiwa Menurut al-Quran, al-Sunnah dan Amalan Salafus Salih* (Selangor: Al-Hidayah House Of Publisher Sdn Bhd).
- Fakhr al-Din Al-Razi (1981) *Mafatih al-Ghaib*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Jas Laile Suzana Jaafar. (2008). *Psikologi Kanak-Kanak dan Remaja*. Selangor: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.
- Muhammad al-Ghazali, *Al-Janib al-‘Atifi Fi Al-Islam*, terj. Abad Badruzzaman (Jakarta: Zaman Transforming lives).
- Muhammad al-Husain b. Mas’ud al-Baghawi. (2002). *Ma’alim al-Tanzil* .Lubnan: Dar Ibn Hazm.
- Muhammad amin b. Muhammad Mukhtar al-Shanqiti, *Adwa al-bayan Fi Idah al-Quran*.
- Musyirah Zulkarnain (2014). *Tarbiah Dzatiah Ke Arah Pembinaan Diri Lebih Cemerlang* .Selangor: Iman Publication.
- Norlizah Che Hassan. (2014). *Dinamika Kendiri Remaja*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.